WIKIPEDIA

Hidupan

Hidupan (Tulisan Jawi:هيدوڤن) juga benda hidup, organisma, ialah benda bernyawa yang hidup di alam semesta ini dengan ciri-ciri yang membezakan benda hidup dengan benda bukan hidup seperti menjalankan proses fisiologi dll. daripada yang tidak ada, sama ada kerana fungsi sedemikian telah berhenti (mereka telah mati), atau kerana mereka tidak pernah mempunyai fungsi sedemikian dan dikelaskan sebagai tidak bernyawa. Pelbagai bentuk hidupan wujud, seperti tumbuh-tumbuhan, haiwan, kulat, protista, dan monera. Kriteria ini kadang-kadang boleh menyebabkan kekaburan dan mungkin tidak boleh menentukan virus, viroid, atau hidupan sintetik yang berpotensi, sebagai "hidup". Biologi adalah sains yang berkaitan dengan kajian hidupan.

Hidupan

Tumbuhan di Pergunungan Rwenzori, Uganda

Pengelasan saintifik

Domain-domain dan Supergroups

Hidupan di Bumi:

- Hidupan bukan selular[note 1] [note 2]
  - Virus-virus[note 3]
  - Viroid-viroid
- Kehidupan selular
  - Domain Bacteria
  - Domain Archaea
  - Domain Eukarya
    - Archaeplastida
    - SAR
    - Excavata
    - Amoebozoa
    - Opisthokonta

Isi kandungan

Takrif تعريف

Asal-usul اصل-اوصل

Jenis Hidupan جنيس هيدوڤن

Ciri-ciri benda hidup جيري٢ بندا هيدوڤ

Rujukan روجوعن

Takrif تعريف

Takrif hidupan adalah suatu kontroversi. Takrif semasa menyatakan bahawa organisma adalah sistem terbuka yang mengekalkan homeostasis, terdiri daripada sel, mempunyai kitaran hidup, menjalani metabolisme, dapat bertumbuh, menyesuaikan diri dengan persekitaran mereka, bertindak balas terhadap rangsangan, membiak dan berkembang. Walau bagaimanapun, beberapa takfrif biologi lain telah dicadangkan, dan terdapat beberapa kes sempadan hidupan, seperti virus atau viroid. Pada masa lalu, terdapat banyak percubaan untuk menentukan apa yang dimaksudkan dengan "hidupan" melalui konsep usang seperti daya aneh, hylomorphism, generasi spontan dan vitalisme, yang kini telah ditolak oleh penemuan biologi. Abiogenesis menerangkan proses hidupan semula jadi yang timbul daripada bahan bukan hidup, seperti sebatian organik sederhana. Antara sifat yang biasa bagi semua organisma ialah keperluan unsur kimia tertentu untuk mengekalkan fungsi biokimia.

Asal-usul اصل-اوصل

Hidupan di Bumi muncul buat pertama kali seawal 4.28 bilion tahun yang lalu, selepas pembentukan lautan 4.41 bilion tahun yang lalu, dan tidak lama selepas pembentukan Bumi iaitu 4.54 bilion tahun yang lalu.[1][2][3][4] Hidupan bumi semasa mungkin berasal dari dunia RNA, walaupun hidupan berasaskan RNA mungkin bukan yang pertama. Mekanisme di mana hidupan bermula di Bumi tidak diketahui walaupun banyak hipotesis telah dirumuskan dan sering berdasarkan eksperimen Miller-Urey. Bentuk hidupan yang paling awal diketahui ialah mikrofosil bakteria. Batu-batu Australia yang berusia 3.45 bilion tahun dilaporkan mengandungi mikroorganisma.[5][6] Pada tahun 2016, ahli-ahli sains melaporkan pengenalpastian satu set 355 gen yang dianggap hadir dalam leluhur umum sejagat (LUCA) semua organisma hidup, sudah menjadi organisma yang kompleks dan bukan benda hidup yang pertama.[7]

Sejak awalnya, hidupan di Bumi telah mengubah persekitarannya pada skala waktu geologi. Untuk terus hidup di kebanyakan ekosistem, hidupan mesti sering menyesuaikan diri dengan pelbagai keadaan. Sesetengah mikroorganisma, dipanggil extremophiles, bertumbuh dalam persekitaran fizikal atau geokimia yang memudaratkan kebanyakan hidupan di Bumi. Aristotle adalah orang pertama yang mengelaskan organisma. Kemudian Bapa Taksonomi, Carl Linnaeus memperkenalkan sistem Tatadwinamanya untuk pengelasan spesies. Akhirnya kumpulan-kumpulan hidupan baharu seperti mikroorganisma ditemui. Sel itu dianggap sebagai unit asas hidupan.[8] Terdapat dua jenis sel, prokariotik dan eukariotik , kedua-duanya terdiri daripada sitoplasma yang dikelilingi oleh selaput plasma dan mengandungi banyak biomolekul seperti protein dan asid nukleik. Sel-sel membiak melalui proses pembahagian sel(mitosis dan meiosis) di mana satu sel induk membahagi menjadi dua sel anak.

Walaupun kini hanya hidupan di Bumi yang diketahui banyak ahli sains membuat andaian tentang kewujudan hidupan di luar angkasa. Hidupan buatan adalah simulasi komputer atau pembinaan semula manusia berdasarkan aspek hidupan dan sering digunakan untuk mengkaji sistem yang berkaitan dengan hidupan semula jadi. Kematian adalah penamat kekal semua fungsi biologi yang membuatkan organisma kekal hidup dan oleh itu, berakhirlah hayatnya. Kepupusan adalah proses yang mana seluruh kumpulan atau takson, biasanya spesies, mati. Fosil adalah sisa-sisa organisma yang dipelihara .

Jenis Hidupan جنيس هيدوفن

Benda hidup atau **hidupan** di alam semesta ini boleh dikelaskan kepada 5 Alam berlainan:

- Haiwan
- Tumbuhan
- Kulat
- Monera
- Protista

Ciri-ciri benda hidup چيري٢ بندا هيدوق

Berlainan dengan benda bukan hidup, semua benda hidup mempunyai ciri-ciri istimewa seperti yang berikut :

- memerlukan makanan
- membiak (kecuali baghal – anak kepada campuran kuda dengan keldai. Baghal adalah mandul – tidak mampu membiak)
- bergerak (kecuali tumbuhan)
- bernafas
- berkumuh
- bertumbuh
- bergerak balas terhadap rangsangan

Rujukan روجوعن

1. **Ralat petik: Tag `<ref>` tidak sah; teks bagi rujukan `NAT-20170301` tidak disediakan**
2. **Ralat petik: Tag `<ref>` tidak sah; teks bagi rujukan `NYT-20170301` tidak disediakan**
3. **Ralat petik: Tag `<ref>` tidak sah; teks bagi rujukan `BBC-20170301` tidak disediakan**
4. **Ralat petik: Tag `<ref>` tidak sah; teks bagi rujukan `4.3b oldest` tidak disediakan**
5. Tyrell, Kelly April (18 December 2017). "Oldest fossils ever found show life on Earth began before 3.5 billion years ago" (https://news.wisc.edu/oldest-fossils-ever-found-show-life-on-earth-began-before-3-5-billion-years-ago/). *University of Wisconsin-Madison*. Dicapai pada 18 December 2017.
6. Schopf, J. William; Kitajima, Kouki; Spicuzza, Michael J.; Kudryavtsev, Anatolly B.; Valley, John W. (2017). "SIMS analyses of the oldest known assemblage of microfossils document their taxon-correlated carbon isotope compositions" (http://www.pnas.org/content/early/2017/12/12/1718063115.abstract). *PNAS*. **115** (1): 53–58. Bibcode:2018PNAS..115...53S (https://ui.adsabs.harvard.edu/abs/2018PNAS..115...53S). doi:10.1073/pnas.1718063115 (https://doi.org/10.1073%2Fpnas.1718063115). PMC 5776830 (https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC5776830). PMID 29255053 (https://pubmed.ncbi.nlm.nih.gov/29255053). Dicapai pada 19 December 2017.
7. Wade, Nicholas (25 Julai 2016). "Meet Luca, the Ancestor of All Living Things" (https://web.archive.org/web/20160728053822/http://www.nytimes.com/2016/07/26/science/last-universal-ancestor.html). *The New York Times*. Diarkib daripada yang asal (https://www.nytimes.com/2016/07/26/science/last-universal-ancestor.html) pada 28 Julai 2016. Dicapai pada 25 Julai 2016. Parameter `|deadurl=` yang tidak diketahui diendahkan (bantuan)
8. Chapter-5, The Fundamental Unit of Life (https://www.scribd.com/doc/14425949/Cell-The-Fundamental-Unit-of-Life). Monika Mehan. Scribd.

Rencana berkaitan biologi ini ialah rencana tunas. Anda boleh membantu Wikipedia dengan mengembangkannya (https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Hidupan&action=edit).

Kawalan kewibawaan BNF: cb11933780m (https://catalogue.bnf.fr/ark:/12148/cb11933780m) (data) (https://data.bnf.fr/ark:/12148/cb11933780m) · GND: 4034831-3 (https://d-nb.info/gnd/4034831-3) · NDL: 00570344 (https://id.ndl.go.jp/auth/ndlna/00570344) · NLI: 000707709 (http://uli.nli.org.il/F/?func=direct&doc_number=000707709&local_base=nlx10)

1. The "evolution" of viruses and other similar forms is still uncertain. Therefore, this classification may be paraphyletic because cellular life might have evolved from non-cellular life, or polyphyletic because the most recent common ancestor might not be included.
2. Infectious protein molecules prions are not considered living organisms, but can be described as "organism-comparable organic structures".
3. Certain specific organism-comparable organic structures may be considered subviral agents, including virus-dependent entities: satellites and defective interfering particles, both of which require another virus for their replication.

Diambil daripada "https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Hidupan&oldid=4630708"

Laman ini kali terakhir disunting pada 03:00, 28 Ogos 2019.

Teks disediakan dengan Lesen Creative Commons Pengiktirafan/Perkongsian Serupa; terma tambahan mungkin digunakan. Lihat Terma Penggunaan untuk butiran lanjut.